

0839

R B646 BAH
PETANI

KANGAR, 25 JUN (BERNAMA) -- PARA PETANI PERLU MENGGUNA TEKNOLOGI DAN ALAT JENTERA YANG MODEN DALAM USAHA UNTUK MENAMBAH HASIL PENGELUARAN PERTANIAN MEREKA; KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN PENDIDIKAN YANG LEBIH BAIK MUNGKIN PADA SUATU MASA NANTI JUMLAH GENERASI MUDA YANG MENYERTAI BIDANG PERTANIAN AKAN BERKURANGAN KERANA MEREKA AKAN MENCARI PEKERJAAN DI KILANG-KILANG.

+TETAPI ITU TIDAK MENGAPA KERANA DENGAN MENGGUNAKAN ALAT JENTERA DAN TEKNOLOGI PERTANIAN MODEN PARA PETANI YANG SEDIKIT BILINGANNYA AKAN DAPAT MENGUSAHAKAN TANAH YANG LUAS BAGI MENGELUARKAN HASIL YANG BANYAK;+ JELAS PERDANA MENTERI PADA MAJLIS PERHIMPUNAN 4,000 PETANI DI KAMPUNG CANTIK BANGUN, SERDANG DEKAT SINI.

KATANYA, 100 TAHUN LEPAS, BEBERAPA NEGARA SEPerti DI AMERIKA SYARIKAT, 95 PERATUS DARIPADA PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA PETANI DAN MELALUI KEMAJUAN PERTANIAN, JUMLAH MEREKA YANG BERTANI KINI HANYA SEBANYAK 5 PERATUS TETAPI MEREKA DAPAT MENGELUARKAN HASIL PERTANIAN BAGI 95 PERATUS PENDUDUK NEGARA BERKENAAN.

BELIAU BERKATA, DENGAN KEMUDAHAN PERAIRAN YANG DIADAKAN OLEH KERAJAAN SELEPAS KEMERDEKAAN, PARA PETANI DAPAT MENANAM PADI DUA KALI SETAHUN DI SAMPING MENERIMA PELBAGAI BANTUAN LAIN. -- LAGI.

1449MST 25 06 90
0845

R B647 BAH
PETANI 2 KANGAR

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERHATI-HATI DENGAN PIHAK TERTENTU YANG AKAN BERKEMPEN MEMBURUK-BURUKAN KERAJAAN.

KATANYA, JIKA RAKYAT SALAH PILIH KERAJAAN, MEREKA AKAN DITIMPA KESUSAHAN.

KERAJAAN YANG ADA SEKARANG DI SAMPING MENYEDIKAN PELBAGAI KEMUDAHAN SEPerti BEKALAN AIR, ELEKTRIK DAN JALAN SENTIASA MEMIKIRKAN APAKAH JENIS KEMUDAHAN DAN BANTUAN LAIN YANG DIPERLUKAN OLEH RAKYAT, TEGAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN, PARA PEMIMPIN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG TIDAK SEPerti PARA PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG YANG AKAN HANYA DATANG KE KAMPUNG-KAMPUNG MENAIKKAN SEMANGAT RAKYAT SUPAYA BENCI KEPADA KERAJAAN.

BELIAU MENJELASKAN, PARA PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG AKAN BERTANYA KEPADA RAKYAT TENTANG KEMUDAHAN DAN BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA MEREKA SEJAK MENCAPI KEMERDEKAAN.

APABILA MENDAPATI BAHAWA KERAJAAN TELAH MEMBERI BEKALAN AIR KE SESEBUAH KAMPUNG, MEREKA AKAN BERTANYA PULA MENGAPA BEKALAN ELETRIK TIDAK DIBEKALKAN DAN APABILA SEMUA KEMUDAHAN ASAS TELAH DILAKSANAKAN, MEREKA AKAN MENCARI ISU LAIN PULA SUPAYA RAKYAT BENCI KEPADA KERAJAAN DAN MENGUNDI MEREKA. -- LAGI.

1514MST 25 06 90

U85U

R B648 BAH
PETANI 3 KANGAR

KATANYA, PARA PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 PULA, BUKAN SAHAJA TIDAK PUAS HATI DENGAN PERBUATAN MEREKA MENGHANCURKAN UMNO TETAPI AKAN MENGELUARKAN PELBAGAI TUDUHAN LIAR MENYALAHKAN KERAJAAN DENGAN MENGATAKAN ITU TIDAK KENA DAN INI TIDAK BETUL.

+TETAPI KETIKA (MEREKA) BERADA DALAM KERAJAAN SEMUANYA BETUL DAN ELOK BELAKA. PADA HAL KETIKA BERADA DALAM KERAJAAN PARA PEMIMPIN ITULAH YANG MEMBUAT HUTANG LUAR YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN SEKARANG,+ TAMBAHNYA.

KATANYA: PEMIMPIN BERKENAAN MEMBEBANKAN NEGARA DENGAN \$57,000 JUTA HUTANG LUAR YANG TERPAKSA DIBAYAR OLEH KERAJAAN SEKARANG MELALUI PENJIMATAN PERBELANJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DR ABDUL HAMID PAWANTEH KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH MESIN RUMPUT KEPADA 14 PETANI MISKIN, HADIAH CEMERLANG KEPADA 13 ORANG PETANI KAWASAN MADA YANG MENINGKAT HASIL PADI DARI 4.5 TAN METRIK KEPADA 7.9 TAN METRIK PADI SERELONG DAN MENYERTAI KERJA GOTONG-ROYONG MEMBAIKI JALAN DI KAMPUNG ITU. -- BERNAMA.

1525MST 25 06 90